

## **Tuanku Mizan Mahu Hubungan Dua Hala Malaysia-Indonesia Dilonjak Ke Tahap Lebih Tinggi**

**Bernama**

**17 Oktober, 2011**

**Oleh Ahmad Fuad Yahya**

JAKARTA, 17 Okt (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin mahu melihat hubungan dua hala dan kerjasama Malaysia-Indonesia dilonjakkan ke tahap lebih tinggi demi kepentingan dan faedah bersama.

Seri Paduka mahu lebih banyak usaha dijana secara aktif dan produktif melibatkan pihak di semua peringkat dalam semua bidang, bagi meningkatkan lagi kerjasama dan hubungan baik antara kedua-dua negara, walaupun perlu menempuh pelbagai rintangan

"Beta menghargai komitmen dan peranan yang dimainkan oleh Malaysia dan Indonesia dalam menangani isu-isu berkepentingan bersama di peringkat serantau dan antarabangsa

"Beta percaya komitmen bersama antara kedua-dua negara dapat diteruskan demi kemakmuran bersama dan kestabilan rantau ini," titah Yang di-Pertuan Agong pada majlis Jamuan Malam Rasmi oleh Kerajaan Indonesia di Istana Negara, Ahad malam.

Seri Paduka bertitah keakraban hubungan yang terjalin antara Malaysia dan Indonesia adalah sangat istimewa antara dua negara yang berjiran tetangga.

"Beta amat berpuas hati dengan usaha-usaha yang telah dan sedang dijalankan kedua-dua kerajaan Malaysia dan Indonesia untuk merapatkan dan memperkukuhkan kerjasama politik, ekonomi dan sosiobudaya antara Malaysia dan Indonesia," titah Seri Paduka.

Tuanku Mizan yang dalam rangka lawatan rasmi dua hari ke Indonesia, turut menerima anugerah tertinggi Indonesia Bintang Republik Indonesia Adipurna yang disampaikan Presiden Susilo Bambang Yudhoyono di Istana Merdeka, di sini.

Majlis itu disaksikan Raja Permaisuri Agong Tuanku Nur Zahirah yang turut berangkat dalam lawatan itu, selain Ibu Negara Ibu Ani Yudhoyono, barisan Kabinet Indonesia dan delegasi Malaysia.

Yang di-Pertuan Agong turut merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih atas pengurniaan Bintang Republik Indonesia Adipurna itu.

"Beta yakin bahawa penganugerahan ini akan mengukuhkan persahabatan dan mengeratkan lagi silaturahim antara rakyat kedua-dua negara," titah Seri Paduka.

Yang di-Pertuan Agong juga terharu dan gembira dengan layanan baik dan mesra daripada Presiden Yudhoyono dan Ibu Ani Yudhoyono serta daripada kerajaan dan rakyat Indonesia kepada Seri Paduka berdua serta anggota rombongan Malaysia.

Sementara itu, Susilo dalam ucapannya pada majlis Jamuan Malam Rasmi berkata penganugerahan itu merupakan penghargaan dan penghormatan daripada rakyat dan kerajaan Indonesia atas perhatian, usaha dan jasa Tuanku Mizan dalam meningkatkan hubungan dua hala kedua-dua negara.

"Sebagai negara yang bertetangga dekat, Indonesia dan Malaysia mempunyai hubungan

yang istimewa. Hubungan itu terbina tidak hanya atas dasar kedekatan geografi, kesamaan budaya dan persahabatan yang kuat, tetapi juga terbentuk melalui bentangan sejarah yang sangat panjang.

"Saya gembira hubungan bilateral (dua hala) dan kerjasama di antara kedua-dua negara kita telah terjalin semakin erat dan kukuh, selain dilandasi komitmen yang kuat untuk terus memberi ruang dan didorong oleh semangat persahabatan dan saling pengertian dalam mengatasi pelbagai persoalan," katanya.

Presiden Indonesia itu turut merakamkan penghargaan tinggi Indonesia kepada Malaysia kerana mengambil langkah-langkah tepat dalam menjamin perlindungan yang lebih baik pekerja asing, termasuk dari Indonesia.

Beliau berharap kedua-dua negara, yang telah menandatangani pindaan memorandum persefahaman berhubung pengambilan dan penempatan pekerja Indonesia pada 30 Mei lepas, dapat segera menerapkan mekanisme teknikal pindaan memorandum berkenaan demi menjamin hak dan perlindungan para pekerja.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=620454>